



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 19 Julai 2022

1	Bergelumang najis kucing -tawar khidmat bersih najis kucing rumah ke rumah
---	---

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



Bergelumang najis kucing

TUGAS bergelumang dengan kucing dan najis-najisnya tidak sedikitpun menjijikkan atau memberikan ketidakselesaan kepada Qawiatul Atiqah Jaffri, suami dan dua pekerja mereka yang mengusahakan perkhidmatan jarang ditemukan iaitu pembersihan sangkar dan najis kucing dari rumah ke rumah.



Rencana Utama
Oleh
ZURAINI MOHD, KHALID

TANGAN kanan Gawiatiul Atiqah Ja'fari memegang sebuah literer bor atau kotak pembuangan najis kucing, manakala tangan kirinya pula digunakan untuk membuang pasir-pasir kucing yang melekat pada bekas tersebut.

Selepas dibersihkan, wanita berusia 31 tahun itu yang lebih mesra disapa sebagai Atiqah mencuci kotak najis kucing itu dengan menggunakan sabun sebelum ia dikeringkan.

Usai betul-betul kering, dia kemudian meletakkan pasir bersih dan baharu ke dalam bekas tersebut, sebelum memasukkannya semula ke dalam sebuah sangkar kucing milik tiga ekor kucing comel pelanggannya.

"Macam inilah rutin harian saya sejak beberapa tahun lalu laitu membersihkan sangkar dan bekas pembuangan najis kucing," katanya kepada K2.

Kedengaran agak menghairan, tetapi begitulah tugas Atiqah dan suaminya yang merupakan dua orang usahawan perniagaan berbentuk perkhidmatan berkaitan kucing.

Menerusi perniagaan Amani Cats World, pasangan suami isteri itu membersihkan sangkar kucing termasuk bekas najis selain memberikan khidmat dandanan, hotel kucing, penghantaran kucing dari mana-mana negeri di Semenanjung dan juga khidmat menemani si manja untuk sebarang urusan di klinik veterinar.

Menurut Atiqah, dia sudah menawarkan khidmat tersebut sejak tahun 2018, namun pada mulanya dilakukan secara sambilan memandangkan ketika itu dia mempunyai kerja tetap.

Bagaimanapun, selepas suaminya,



ATIQAH (kanan) dan salah seorang pekerjaanya melakukan kerja-kerja pembersihan sangkar dan najis kucing di salah sebuah rumah pelanggan mereka.

Tawar khidmat bersih najis kucing rumah ke rumah

Ahmad Faizal Azman, 36, mulai kerap jatuh sakit secara tiba-tiba, wanita itu mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan memilih kerjaya yang membolehkannya mengurus waktu sendiri.

"Suami menghidap sakit sendi tulang belakang dan baru-baru ini, dia kerap jatuh sakit secara tiba-tiba dan ia membuatkan saya menjadi bimbang. Jadi, kami berdua pun memutuskan untuk melakukan khidmat dandanan kucing yang sudah dimulakan sejak



SELAIN melakukan pembersihan sangkar dan najis kucing, Amani Cats World turut menyediakan khidmat dandanan kucing.



DISEBABKAN cinta dan minat yang mendalam terhadap kucing, mereka sedia melakukan pelbagai khidmat berkaitan haiwan tersebut.

2018 itu sebagai kerjaya sepenuh masa," ujarnya yang turut dibantu dua staf.

Menariknya, khidmat membersihkan najis kucing yang mula ditawarkan sejak pandemik Covid-19 itu boleh dikatakan suatu yang jarang diusahakan pihak lain.

Cinta dan minat mendalam terhadap haiwan itu menjadikan Atiqah sanggup datang ke rumah pelanggannya sehingga ke lewat malam bagi memberikan servis berkaitan kucing.

Malah, baru-baru ini juga, Atiqah selesai tugas mendandan kucing di

rumah seorang pelanggan sehingga pukul 2 pagi.

"Waktu operasi sebenar adalah dari 11 pagi sehingga 8 malam. Pada asalnya, kami diminta mendandan dan membersihkan najis lapan ekor kucing sahaja, namun jumlah kucing kemudian bertambah menjadi 15 ekor menyebabkan saya terpaksa bekerja sehingga pukul 2 pagi.

"Namun, saya tidak kisah dan tidak mengeluh memandangkan saya cukup sayangkan kucing dan sudah terbiasa



ATIQAH (kanan, depan) dan suaminya, **Ahmad Faizal** (kanan, belakang) bersama dua pekerja mereka.

melakukan kerja-kerja itu," katanya. Hari Atiqah biasanya panjang dengan dia akan mengunjungi sekurang-kurangnya tiga buah rumah sehari bagi urusan pembersihan najis.

Malah, dia dan suami yang obses dengan kucing tidak langsung menganggap pekerjaan itu sebagai sesuatu yang melelahkan memandangkan mereka berasa puas dapat memberikan perkhidmatan berkaitan haiwan comel itu.

"Biasalah, adakalanya tugas pembersihan bekas najis kucing mudah memandangkan pemilik kucing menggunakan pasir kucing yang menjadikan bekas itu bersih.

"Namun, adakalanya ia jadi mencabar apabila pemilik tidak menggunakan pasir untuk kucing, menyebabkan najis melekat pada 'litter box'. Pun begitu, saya tidak kisah dan tetap memberikan perkhidmatan seperti biasa," ujarnya berterus terang.

Atiqah yang menetap di Gombak, Selangor membuat perkhidmatan tersebut dari rumah ke rumah pada harga antara RM30 sehingga RM450 mengikut servis. Atiqah lazimnya akan mengenakan caj petrol mengikut kawasan, manakala caj pembersihan najis kucing pula ditetapkan pada kadar RM50 bagi tiga 'litter box'.

"Sekiranya pelanggan mahu menambah jumlah bekas najis kucing, caj dikenakan adalah RM10 bagi setiap satu. Jika kerja-kerja pembersihan itu agak sukar seperti terlalu kotor atau sebagainya, caj yang dikenakan masih sama, tiada caj tambahan," ujarnya.

INFO
Peluang bisnes berkaitan haiwan

- **Pembuat mainan haiwan:** Kebanyakan pemilik haiwan gemar membelikan beberapa jenis permainan berbeza untuk kegunaan haiwan peliharaan di rumah
- **Jurugambar haiwan:** Pencinta haiwan boleh mencuba kerjaya sebagai jurugambar haiwan profesional dan merakam gambar-gambar haiwan yang menarik
- **Pengusaha spa haiwan:** Terdapat beberapa perkhidmatan spa dan kecantikan yang boleh ditawarkan kepada haiwan seperti urutan dan dandan



PENGUNAAN pasir memudahkan kerja-kerja pembersihan.

Sehingga kini, tempahan paling jauh yang pernah diterimanya adalah dari Banting, Selangor.

Biarpun bukan bekerja dalam bidang yang glamor, Atiqah bersyukur rezekinya melimpah ruah dan apa yang lebih penting dia mempunyai kebebasan mengurus waktu sendiri.

"Apabila berniaga sendiri, saya tidak terikat dengan apa-apa peraturan dan boleh berada bersama suami sekiranya dia memerlukan apa-apa," katanya.


Selain itu, pekerjaan tersebut turut memberikannya pendapatan yang lumayan memandangkan kerap menerima pelbagai tempahan daripada pelanggan.

Atiqah bahkan sudah melebarkan sayap dengan membuka sebuah lagi cawangan yang menyediakan khidmat sama di Shah Alam yang kini diuruskan oleh adiknya.

Bagi seorang pelanggan yang hanya mahu dikenali sebagai Adam, dia amat menyukai servis ditawarkan pasangan itu dan menganggap ia amat memudahkan individu sibuk sepertinya.

"Saya dan isteri masing-masing sibuk bekerja dan adakalanya tiada masa untuk membersihkan sangkar kucing.

"Perkhidmatan bersifat dari rumah ke rumah ini amat memudahkan golongan seperti saya kerana saya tidak perlu ke mana-mana, cuma perlu menunggu mereka datang ke rumah untuk kerja-kerja pengurusan kucing," kongsinya.



SEKOR anak kucing berada di dalam sebuah bekas berisi pasir.



MCKINLEY

Miliki haiwan peliharaan bantu kesejahteraan hidup

INTERAKSI atau sentuhan antara manusia dengan haiwan peliharaan seperti kucing atau anab terbukti membantu menghilangkan tekanan dengan mengurangkan tahap kortisol iaitu sejenis hormon yang berkaitan dengan stres.

Malah, beberapa kajian lain juga mendapati haiwan mampu mengurangkan rasa sepi dalam diri seseorang, meningkatkan rasa sokongan sosial dan juga membantu meningkatkan mood.

Menurut Jaime McKinley yang merupakan presiden syarikat berasaskan penjagaan haiwan dari Connecticut, Amerika Syarikat, W.F. Young, haiwan peliharaan kini telah menjadi sebahagian daripada kesejahteraan hidup manusia.

"Manusia banyak menghabiskan masa dengan haiwan peliharaan mereka dan kami melihat banyak permintaan terhadap produk yang membantu pemilik untuk menghabiskan lebih banyak masa bersama haiwan peliharaan.

"Sebagai contoh, kini terdapat pelbagai peralatan yang membolehkan pemilik untuk kekal berhubung dengan haiwan peliharaan mereka biarpun berjauhan," katanya.

Tambah McKinley, perkara tersebut membantu memberikan peluang kepada mutu kesihatan dan kesejahteraan yang lebih baik dalam kalangan pemilik haiwan peliharaan yang seterusnya memberikan kepuasan kepada kedua-dua pihak.